

## **028 MEMBANGUNKAN PENGHAYATAN AGAMA DI KALANGAN KANAK-KANAK : ANALISIS PANDANGAN ABDULLAH NASIH ULWAN**

**Norul Huda Binti Bakar, Azizah Binti Mat Rashid**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor.

[norulhuda@kuis.edu.my](mailto:norulhuda@kuis.edu.my), [azizahrashid@kuis.edu.my](mailto:azizahrashid@kuis.edu.my)

### **ABSTRAK**

Tugas mendidik anak-anak mengikut acuan Islam yang sebenar merupakan kewajipan para ibu bapa kerana anak-anak akan mewarisi segala didikan yang diberikan oleh orang tua dan persekitarannya. Rasulullah s.a.w menggesa para ibu bapa agar memupuk dan menerapkan penghayatan agama dalam diri anak-anak sejak dari kecil lagi. Kesedaran yang dipupuk meliputi aspek kerohanian dan amalan beragama akan menjadi alat bantu kepada anak-anak untuk menjadi seorang *Muslim* yang *mukmin* tamsilan para *salafusssoleh*. Kesedaran hidup beragama yang mendalam juga akan menjadi ubat dan penawar dalam menangani pelbagai penyakit sosial dalam masyarakat hari ini. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*) sebagai reka bentuk kajian. Maklumat kajian diperoleh melalui kitab karangan Abdullah Nasih Ulwan iaitu *Tarbiyah al-Aulad*. Kertas kerja ini cuba mengupas dan menganalisis pandangan Abdullah Nasih Ulwan tentang cara dan kaedah untuk membangunkan penghayatan agama dalam diri kanak-kanak supaya menjadi benteng dan panduan dalam mendidik anak-anak sekali gus membantu melahirkan pewaris-pewaris yang mampu mendukung agama yang syumul pada masa akan datang kelak.

**Kata kunci** – Penghayatan agama, Abdullah Nasih Ulwan, Tarbiyah al-Aulad.

### **PENGENALAN**

Pelbagai permasalahan yang timbul dalam masyarakat hanya dapat diselesaikan dengan merujuk kembali kepada agama dengan penuh penghayatan dan kesungguhan. Di negara maju Amerika, agama dianggap salah satu elemen yang diperlukan oleh kebanyakan masyarakat dewasa seperti percaya kepada tuhan, menggunakan kaedah berdoa untuk kebaikan

dan menghadiri majlis agama bulanan untuk mendekatkan diri kepada tuhan dan agama. (Smith C, 2012). Kajian ini menunjukkan peranan agama yang dapat membentuk peribadi dan akhlak inividu sekaligus membantu menyelesaikan permasalahan sosial yang berlaku dalam masyarakat.

Agama yang ditumpukan dalam penulisan ini adalah agama Islam yang mana dilihat lebih efisyen dan kompeten dalam menyelesaikan dan mengawal segala permasalahan yang timbul dalam masyarakat masa kini. Ini kerana Islam merupakan agama benar yang diturunkan oleh Allah kepada seluruh makhluk yang ada di dunia ini. Firman Allah SWT :

إِنَّ الْدِيْنَ كَعِنْدَ اللَّهِ أَلَا إِلَّا سَلَمٌ<sup>3</sup>

Yang bermaksud :

Sesungguhnya agama (yang benar dan direndai) di sisi Allah ialah Islam.

Tidak ada agama yang benar yang diterima oleh Allah kecuali Islam yang dibawa oleh para nabi terdahulu hingga ke nabi Muhammad SAW yang memberikan kebaikan bukan sahaja di dunia bahkan juga kebaikan di akhirat. (Ibnu Kathir, 2006)

Menurut al-Qaradawi (2001), Islam merupakan penyelesaian terbaik bagi permasalahan-permasalahan yang berlaku disebabkan kegagalan sistem-sistem ciptaan manusia dan sikap jahat yang ada dalam diri individu. Islam akan berfungsi sebagai penyelesaian permasalahan yang berlaku dengan menjadikan Islam sebagai cara hidup bagi penganutnya. Maka akan lahir sebuah masyarakat yang mempunyai kefahaman dan pemikiran yang Islamik, berakhhlak dengan akhlak Islam, beradab dengan adab-adab Islam, menzahirkan syiar-syiar dalam Islam dan menjadikan undang-undang Islam sebagai perundangan dalam negara.

---

<sup>3</sup> Al-Quran, Ali Imran : 19

Kefahaman tentang agama Islam sahaja tidak mencukupi untuk menjadikan seseorang itu benar-benar menghayati dan mengamalkan agama dalam kehidupannya. Ini kerana, penghayatan agama melibatkan aspek kefahaman, perasaan (Norsaleha Mohd. Salleh, 2013) dan pelaksanaan agama secara menyeluruh dalam semua aspek kehidupan dengan segala dimensi iaitu akidah, ibadah, akhlak dan syariah dalam usaha untuk memartabatkan kembali umat Islam sebagai umat terbaik dan umat pertengahan di muka bumi Allah ini.

Penghayatan agama amat penting dalam kehidupan individu Muslim kerana memberi pengaruh yang besar terhadap tingkah laku dan personaliti (Raba, 2001), memberi ketenangan emosi (Hasnan Kassan, 2002) menanamkan keyakinan diri manusia (Qardhawi, 1985) serta kebahagiaan hidup. (Hamka, 1997)

Melihat kepada kepentingan dan peranan penghayatan agama dalam membentuk muslim mukmin yang *musleh*, usaha bagi membangunkan penghayatan agama perlu dilaksanakan dan dipergiatkan. Usaha ini harus dilaksanakan diperingkat kanak-kanak lagi supaya masyarakat dapat menjalani kehidupan yang diredhai oleh Allah SWT sekaligus membendung kebobrokan sosial yang berlaku pada masa kini.

Melihat kepada perentingnya pembangunan hidup beragama, usaha ini perlu dilakukan seawal usia kanak-kanak. Setiap anak yang dilahirkan sudah memiliki potensi untuk beragama, namun bentuk keyakinan agama yang akan dianuti bergantung kepada bimbingan, pemeliharaan dan pengaruh kedua ibubapanya.

Sabda Rasulullah SAW :

كُل مولود يولد على الفطرة فَأبْوَاهُ عَلَىٰ يَهُودَانِهِ أَوْ يَنْصَارَانِهِ أَوْ يَمْحَسَانَهُ

Yang bermaksud :

Setiap anak dilahirkan atas fitrah maka kedua orang tuanya yang menjadikan dia beragama Yahudi, Nasrani atau Majusi.

Selain daripada itu, peringkat umur kanak-kanak sangat mudah untuk menerima ajaran dan pembelajaran kerana di usia ini mereka mudah menerima maklumat-maklumat yang diberikan kepada mereka. Penerapan hidup beragama sejak dari usia kanak-kanak akan menjadikan kehidupan seseorang itu lebih terpandu kepada aturan agama dan membawa kepada keharmonian dalam masyarakat.

Kertas kerja ini memberi tumpuan kepada konsep penghayatan agama serta kaedah-kaedah untuk membangunkan penghayatan agama dalam kalangan kanak-kanak menurut pandangan Abdullah Nasih Ulwan yang dikupas daripada kitabnya yang hebat iaitu *Tarbiyah al-Aulad*. Kitab yang membincangkan perihal pendidikan kanak-kanak secara mendalam dan terperinci. Bahkan banyak metode-metode pendidikan kanak-kanak masa kini terinspirasi daripada pandangan beliau

## **KONSEP PENGHAYATAN AGAMA**

Dari segi bahasa penghayatan membawa maksud perihal menghayati, mengalami dan merasai dalam batin. (Sheikh Othman Sheikh Salim, 2002). Manakala agama pula membawa maksud kepercayaan pada Tuhan, penerimaan ajaran serta perintah-Nya serta kepercayaan pada yang Maha Kuasa. (Sheikh Othman Sheikh Salim, 2002)

Penghayatan agama juga membawa maksud segala tingkah laku dan cara hidup yang dipengaruhi penghayatan terhadap agama (H. Ibrahim Lubis, 1982) Maka, penghayatan agama boleh diertikan sebagai menghayati dan merasai dalam hati tentang kekuasaan Tuhan dan menzahirkan segala ajaran dan perintah-Nya dalam kehidupan.

Seseorang yang hidup beragama akan menghayati agamanya dan menjadikan agama itu hidup dalam diri dan luarannya. Ini kerana sesuatu itu dianggap hidup berdasarkan kewujudan ruh dan tenaganya. Tanpa roh dan tenaga segala pergerakan akan terhenti dan sesuatu itu akan menjadi kaku, beku dan mati. (Wan Salim Wan Muhammad Nor, 1989)

Al-Qaradawi menjelaskan tentang konsep beragama dengan menghayati dalam segenap aspek kehidupan dengan penuh kebulatan berdasarkan akidah, ibadah, syariah dan akhlak. (al-Qaradawi. 1984) Manakala Muhammad Uthman el-Muhammady (1977) melihat konsep hidup beragama ini dari dua dimensi iaitu dimensi zahir dan batin. Oleh kerana itu, penghayatan agama melibatkan kerohanian dan amalan zahir yang merangkumi setiap aspek keagamaan.

Menurut Fathi Yakan (2008), individu yang benar-benar menganut agama Islam adalah mereka yang berakidah dengan akidah yang betul, beribadah dengan ibadah yang telah disyariatkan dalam Islam dan berakhlik dengan akhlak yang terpuji.

Berdasarkan konsep penghayatan agama yang telah dijelaskan dapat disimpulkan bahawa seseorang boleh dianggap menghayati agama jika segala tindakan dan cara hidupnya dipengaruhi penghayatannya terhadap agama.

### **PEMBANGUNAN PENGHAYATAN AGAMA DI KALANGAN KANAK-KANAK MENURUT ABDULLAH NASIH ULWAN**

Menurut Abdullah Nasih Ulwan (2002), pembangunan penghayatan agama di kalangan kanak-kanak dapat dibuat melalui pendidikan yang dimainkan oleh ibu bapa dan guru-guru. Pendidikan yang diterapkan menurut pandangan ini dapat meningkatkan tahap penghayatan anak-anak terhadap agam Islam itu sendiri.

Adullah Nasih Ulwan menyatakan terdapat tujuh perkara yang menjadi tanggungjawab ibu bapa dalam mendidik anak-anak iaitu :

## 1. Pendidikan Iman

Menurut Abdullah Nasih Ulwan, yang dimaksudkan dengan pendidikan keimanan adalah penekanan terhadap dasar-dasar keimanan, rukun Islam dan dasar-dasar syariat. Dasar-dasar keimanan yang melibatkan rukun iman dan perkara-perkara ghaib seperti percaya dengan siksaan kubur, syurga dan neraka.

Rukun Islam yang dimaksudkan ialah setiap ibadah yang bersifat praktikal dan melibatkan harta seperti puasa, solat, zakat dan haji. Dasar syariat pula membawa maksud segala yang berhubung dengan ajaran-ajaran seperti akidah, ibadah, akhlak, perundangan, peraturan dan hukum-hakam.

Abdullah Nasih Ulwan telah menjelaskan cara bagi membangunkan aspek keimanan ini ialah mengajarkan anak kalimah *taiyyibah* iaitu ﷺ لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، memperkenalkan hukum hakam halal dan haram, menyuruh beribadah pada usia tujuh tahun, mendidik mereka mencintai Rasulullah SAW dan ahli bait baginda serta mengajarkan mereka membaca al-Quran.

Menurut Abdullah Nasih Ulwan, cara terbaik bagi melatih anak-anak mencintai Rasulullah adalah dengan menceritakan sirah Rasul dan peperangan-peperangan hebat yang dilalui oleh Rasulullah dan para sahabat. Selain itu, mengajarkan sukan sunnah seperti menunggang kuda dan memanah kepada anak dapat melahirkan rasa kasih kepada Rasulullah SAW.

Dengan penerapan pendidikan iman dan ajaran-ajaran Islam ini, maka akan terbina keperibadian yang mengenal Islam sebagai *Din*, al-Quran sebagai panduan dan Rasulullah SAW sebagai suri teladan.

## 2. Pendidikan Akhlak

Menurut Abdullah Nasih Ulwan, perkara yang perlu dibangunkan dalam diri anak-anak ialah dengan memberikan pendidikan mengenai dasar-dasar akhlak, keutamaan perangai dan tabiat yang harus dimiliki dan dijadikan kebiasaan.

Pembangunan akhlak sejak kanak-kanak ini sangat penting kerana akhlak merupakan salah satu interpretasi daripada iman. Orang yang berakhhlak mulia pasti memiliki keimanan yang tinggi kepada Allah SWT. Dalam usaha menanamkan akhlak mulia kepada anak-anak, beberapa kaedah dicadangkan oleh Abdullah Nasih Ulwan iaitu menjauhkan diri daripada peniruan dan taklid buta, larangan bermewah-mewah, larangan mendengarkan muzik yang melalaikan, larangan menyerupai jantina yang berlainan, larangan bersolehm bergaul bebas serta memandang perkara yang diharamkan.

### 3. Pendidikan Akal

Pendidikan ini bermaksud membina saya berfikir dan pengetahuan anak dengan segala sesuatu yang bermanfaat. Menurut Abdullah Nasih Ulwan, pendidikan ilmu di kalangan anak-anak harus diterapkan pada masa kanak-kanak. Ini kerana, fikiran mereka sangat jernih, ingatan yang kuat dan semangat belajar yang besar. Selain itu, ilmu yang diberikan semasa kecil akan kekal dalam ingatan dan amalan anak-anak.

Menurut al-Ghazali (1964), ilmu dapat mengenalkan hamba dengan Tuhannya, beribadah dan mengagungkan Tuhannya serta menimbulkan taat dan menghalangi daripada melakukan perkara maksiat. Bagi memastikan ilmu yang diperolehi oleh anak-anak dapat menjadikan mereka insan yang beriman beberapa cara harus diterapkan iaitu mencari rakan-rakan sebaya yang baik bagi anak-anak, mengajarkan tentang hakikat Islam, dasar-dasar Islam, ajaran-ajaran Islam, menjelaskan tentang gambaran yang benar tentang Islam dan mengajarkan tentang susah payah pejuang-pejuang agama mempertahan syiar Islam daripada diceroboh oleh pihak musuh.

Dengan cara ini, ilmu yang diperolehi oleh anak-anak dapat menjadikan mereka sebaik-baik manusia yang dapat memandu manusia yang lainnya.

#### 4. Pendidikan Fizikal

Pendidikan fizikal diterapkan bagi menjadikan anak-anak membesar dengan sihat dan selamat. Sekaligus dapat mengetahui kepentingan menjaga kesihatan diri yang sangat dituntut dalam Islam.

Oleh itu, cara praktikal yang disarankan ialah dengan memberi nafkah kepada keluarga dan anak, menyeimbangkan makan, minum dan tidur, mencegah diri daripada terdedah kepada sebarang wabak, merawat penyakit dan membiasakan anak-anak bersukan atau melakukan aktiviti sukan. Disamping itu, anak-anak juga hendaklah dibiasakan dengan hidup zuhud dan tidak tenggelam dengan kenikmatan dunia seperti merokok, onani, minum arak, pengambilan dadah, zina dan liwat.

#### 5. Pendidikan Psikologi

Pendidikan psikologi bermaksud mendidik anak supaya berani, berterus terang, bermotivasi, suka berbuat baik terhadap orang lain dan meahan diri ketika marah. Penerapan pendidikan psikologi ini memberi kesan yang sangat baik terhadap keperibadian dan sahsiah anak-anak.

Bagi memastikan psokologi anak-anak sentiasa positif dan baik, ibu bapa hendaklah mengelakkan daripada menyuburkan sifat antisisoal, penakut, rendah diri, dengki dan pemarah dalam diri anak-anak. Sifat-sifat ini akan menyebabkan sahsiah anak-anak menjadi buruk dan kehidupan mereka menjadi tidak tenteram di amsa akan datang.

#### 6. Pendidikan Sosial

Pendidikan sosial yang dimaksudkan ialah pendidikan bergaul dengan masyarakat daripada pelbagai latarbelakang dan umur. Penerapan ke atas pendidikan ini akan membiasakan anak-anak dengan adab sosial yang baik dengan bersumber kepada dasar akidah Islamiah.

## 7. Pendidikan Seksual

Pendidikan seksual ialah pendedahan dan penerangan tentang hal-hal seksual kepada anak-anak setelah menjangkau usia yang sesuai untuk dijelaskan tentang perkara seksualiti atau telah timbul naluri yang berkaitan dengan perkahwinan.

Dalam peringkat kanak-kanak sekitar umur lapan sehingga 14 tahun (Nazneen Ismail, 2014), penekanan yang harus dibuat adalah dengan mengajarkan tentang bahagian-bahagian dan peranan alat sulit yang ada pada anak-anak. Dalam peringkat ini juga, pemisahan tempat tidur di antara anak lelaki dan anak perempuan hendaklah dilakukan.

Selain itu, antara metode pendidikan seksual yang dijelaskan oleh Abdullah Nasih Ulwan ialah mengajar adab meminta izin, adab memandang, menghindarkan anak daripada rangsangan seksual, penjelasan dan peringatan kepada anak-anak akan bahaya pergaulan bebas disamping hikmah perkahwinan yang sah.

Demikianlah kaedah-kaedah yang dinyatakan oleh Abdullah Nasih Ulwan dalam kitabnya *Tarbiyah al-Aulad* bagi membangunkan penghayatan agama dalam diri anak-anak.

## RUMUSAN

Penghayatan agama yang membawa maksud menghayati, mengamal dan melaksanakan agama secara menyeluruh dalam aspek kehidupan dengan segala dimensinya dapat melahirkan seorang muslim, mukmin yang musleh.

Karektor ini sangat diperlukan memandangkan terdapat ramai muslim yang tidak beramal dengan agama Islam pada masa kini. Akibatnya, masyakat berhadapan dengan ancaman jenayah yang merbahaya dan persekitaran yang tidak sihat kesan daripada rosaknya agama dalam diri individu muslim. Justeru, usaha bagi membangunkan penghayatan agama harus dilakukan seawal usia kanak-kanak lagi. Kertas kerja ini merupakan kertas konsep pembangunan penghayatan agama dikalangan kanak-kanak menurut pandangan dan pemikiran Abdullah Nasih Ulwan. Secara keseluruhan, Abdullah Nasih Ulwan memberi perhatian khusus kepada aspek pendidikan. Tujuh aspek pendidikan yang telah dibincangkan menepati aspek akidah, akhlak, ibadah dan sahsiah. Kertas kerja ini mencadangkan penghayatan agama berteraskan pendekatan pendidikan dijadikan panduan dan keutamaan oleh ibu bapa dan pihak sekolah dalam rancangan pendidikan dan kurikulum anak-anak dan pelajar. Kaedah-kaedah pembangunan penghayatan agama diharap dapat membantu dalam melahirkan generasi Rabbani yang memberi tumpuan dan kepatuhan yang menyeluruh dan tidak berbelah bahagi kepada Allah SWT dalam menuaikan segala syariat dan mengikut jalan yang dibawa oleh Rasulullah SAW.

## **RUJUKAN**

Abdullah bin Muhammad. 2008. *Tafsir Ibnu Kathir*. Terj. M. Abdul Ghoffar. Jakarta : Pustaka Imam Syafie

Abdullah Nasih Ulwan. 2002. *Tarbiyah al-Aulad fi Al-Islam*. Kaherah : Dar al-Salam

Ahmad M. Raba. 2001. *Major Personalities in the Quran*. Kuala Lumpur : A.S Noordeen

Fathi Yakan. 2008. *Apa Ertinya Saya Menganut Islam?* Terj. Abu Mustafa Hamidi. Shah Alam : Dewan Pustaka Fajar

Al-Ghazali. 1964. *Minhaj al-Abidin*. Kaherah : Maktabah al-Jundi

Hasnan Kasan. 2002. *Kesihatan Jasmani dan Rohani sebagai Asas Kejayaan menurut Islam*. Bangi : UKM

- Hamka. 1997. *Tasawuf Moden*. Singapura : Pustaka National PTE LTD
- H. Ibrahim Lubis. 1982. *Agama Islam : Suatu pengantar*. Jakarta : Ghalia Indonesia
- Nazneen Islamil. 2014. *Psikologi Islam*. Selangor : Mustread Sdn Bhd.
- Norsaleha Mohd Salleh, Ab Halim Tamuri, Salleh Amat. 2013. Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Penghayatan Akidah. *International Journal of Islamic Thought*. Vol : 3 (Jun). 71-80
- Al-Qaradawi. 2001. *Al-Ibadah fī al-Islam*. Beirut : Muassasah al-Risalah
- \_\_\_\_\_. 1984. *Ke Arah Pelaksanaan Syariah Islamiyyah*. Terj. Abdul Rahman Ahmad Jalin. Shah Alam : Dewan Pustaka Fajar
- Smith C, Denton ML, Faris R, et al. Mapping American Adolescent Religious Participant. *Jsci St Rel* 41 (2002), 597-612.
- \_\_\_\_\_. National Study of Youth and Religion. <http://www.youthandreligious.org/news/preliminary.html>. 2 Mac 2012
- Sheikh Othman Sheikh Salim. 2002. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Salim Wan Muhammad Nor. 1989. Penghayatan al-Quran di Malaysia. *Seminar Pengajian al-Quran peringkat Kebangsaan*. Bangi : Fakulti Pengajian Islam UKM.